

UTHM bakal tuan rumah pentauliahahan SISPA

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bakal tuan rumah Majlis Pentauliahahan dan Perhimpunan Peringkat Kebangsaan Kor Sukarelawan Siswa Pertahanan Awam (SISPA) Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2013.

Majlis tersebut akan berlangsung bermula hari ini hingga 27 Ogos nanti, dan perasmiannya bakal disempurnakan Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Beliau berkata, tujuan utama Kor SISPA diwujudkan adalah untuk memperkasa kemahiran insaniah mahasiswa dalam aspek pertahanan awam dan operasi menyelamatkan.

Menurutnya, langkah itu juga melatih mahasiswa menjadi lebih berdisiplin dalam pelbagai aspek termasuklah masa dan tanggungjawab masing-masing.

Tambahnya, seramai 1,518 peserta dan pegawai pengiring 24 agensi yang terdiri daripada 12 IPTA, 10 IPTS dan dua institut perguruan akan terlibat.

"Kemuncak acara bagi perhimpunan ini adalah Majlis Pentauliahahan 233 pegawai kadet Kor SISPA IPT.

"Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, dijangka menyempurnakan Majlis Pentauliahahan di Padang Kawad UTHM pada 27 Ogos nanti," katanya.



MOHD NOH